

**SOALAN NO. 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK ROZMAN BIN ISLI [  
LABUAN ]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah ahli sukarelawan 1M4U yang telah berdaftar setakat suku kedua tahun ini sejak mula beroperasi dan adakah terdapat sebarang cadangan untuk mewujudkan 1M4U sentral di Labuan yang mampu bertindak sebagai “one stop center” bagi aktiviti kesukarelawan bagi zon Sabah dan Sarawak.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan iM4U hingga ke suku kedua tahun ini, jumlah sukarelawan iM4U yang berdaftar adalah seramai 2 juta orang. Hampir separuh daripada jumlah ini adalah menerusi media sosial iM4U.

Dalam masa terdekat ini, tiada sebarang perancangan bagi mewujudkan iM4U Sentral di Labuan. Fokus semasa adalah bagi mengoptimumkan penggunaan iM4U Sentral yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 April 2016 di Puchong bagi manfaat masyarakat terutamanya para belia dan sukarelawan.

Namun yang demikian, iM4U akan terus merangka dan menjalankan program kesukarelawanan yang berimpak tinggi dan aktiviti yang berupaya menjana idea kreatif dalam kalangan belia dengan menggunakan premis dan kemudahan sedia ada diseluruh negara. Dari semasa ke semasa iM4U akan melihat potensi bagi pengwujudan platform fizikal seperti iM4U Sentral pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.